



## POLISI INTERNET

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**1 JANUARI 2020**

## **POLISI INTERNET**

### **KANDUNGAN**

#### **Kandungan Dokumen**

1. Sejarah Dokumen.....	2
2. Jadual Pindaan.....	3
3. Pengenalan .....	4
4. Tatacara Penggunaan Internet.....	4
5. Larangan Dan Salah Laku Pengguna Internet .....	5
6. Keperluan Perundangan.....	6
7. Kuat Kuasa.....	6
8. Penutup .....	6

## POLISI INTERNET

### SEJARAH DOKUMEN

Tarikh Semakan Semula	Versi	Kelulusan	Tarikh Kuat Kuasa
-	1.0	Mesyuarat JPICT Bil 1/2014	1 Julai 2014
17 November 2018	2.0	Mesyuarat JPICT Bil 3/2019	

## POLISI INTERNET

### JADUAL PINDAAN POLISI INTERNET

Tarikh	Versi	Butiran Pindaan
17 November 2018	1.0	<ul style="list-style-type: none"><li>i. <b>Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian:</b> muka surat 1, pindaan huruf pada perkataan Dan: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian.</li><li>ii. <b>Dokumen ini mengandungi segala peraturan dan garis panduan mengenai tatacara penggunaan Internet bagi semua kakitangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP):</b> muka surat 1, pindaaan perenggan: Dokumen ini mengandungi peraturan dan garis panduan mengenai tatacara penggunaan Internet bagi kakitangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP).</li><li>iii. <b>Bermula daripada PENGENALAN dan semua tajuk utama di dalam isi kandungan:</b> muka surat 5, pindaan format numbering: 3.,4.,5 kepada 3.0,4.0,5.0..</li><li>iv. <b>TATACARA PENGGUNAAN INTERNET:</b> muka surat 5, pindaaan perenggan: Internet merupakan satu kemudahan saluran global dan punca maklumat yang tidak dapat dikawal. Oleh sebab itu amat sukar untuk menentukan ketepatan sesuatu maklumat yang diperoleh dari Internet. Justeru adalah menjadi tanggungjawab semua warga PPTG WP untuk memainkan peranan dan bertindak secara bijak dalam menilai kesahihan dan ketepatan sesuatu maklumat yang diperoleh agar tugas dan kerja yang dilaksanakan tidak menyimpang daripada tujuan sebenar PPTG WP. Berikut adalah tatacara penggunaan Internet yang mesti dipatuhi dan diikuti dalam menggunakan Internet.</li><li>v. <b>LARANGAN DAN SALAH LAKU PENGGUNA INTERNET:</b> muka surat 7, pindaaan <i>font case</i> pada perenggan 3.1 sehingga 3.16: daripada <i>Uppercase</i> kepada <i>Lowercase</i>.</li></ul>

## **POLISI INTERNET**

### **1. PENGENALAN**

#### **1.1. Tujuan**

Teknologi Internet telah memudahkan perhubungan antara pengguna dan menyediakan capaian maklumat dalam pelbagai bentuk dan format dengan menyediakan penyelidikan, analisis, rujukan dan bahan-bahan lain yang berfaedah.

#### **1.2. Skop**

Penggunaan Internet dengan cara yang tidak bertanggungjawab adalah dianggap sebagai tindakan yang boleh mengancam keselamatan, keutuhan dan kerahsiaan maklumat, melemahkan dan mengganggu sistem dan rangkaian di PPTG WP.

### **2. TATACARA PENGGUNAAN INTERNET**

Internet merupakan satu kemudahan saluran global dan punca maklumat yang tidak dapat dikawal. Oleh sebab itu amat sukar untuk menentukan ketepatan sesuatu maklumat yang diperoleh dari Internet. Justeru adalah menjadi tanggungjawab semua warga PPTG WP untuk memainkan peranan dan bertindak secara bijak dalam menilai kesahihan dan ketepatan sesuatu maklumat yang diperoleh agar tugas dan kerja yang dilaksanakan tidak menyimpang daripada tujuan sebenar PPTG WP. Berikut adalah tatacara penggunaan Internet yang mestilah dipatuhi dan diikuti dalam menggunakan Internet.

#### **2.1. Hak Capaian Pengguna**

Merupakan kemudahan yang disediakan oleh PPTG WP untuk memudahkan urusan rasmi Jabatan.

#### **2.2. Laman Yang Boleh Dilayari**

Pengguna hanya dibenarkan melayari laman rasmi dan yang berkaitan dengan urusan kerja sahaja.

#### **2.3. Pengesahan Maklumat**

Semua bahan dan sumber maklumat yang diperoleh dari Internet hendaklah disahkan ketepatan dan kesahihannya. Pengguna digalakkan untuk menyatakan sumber rujukan maklumat yang diperoleh dari Internet.

#### **2.4. Muat Turun Bahan**

Semua bahan yang hendak dimuat turun hendaklah dipastikan sah dan selamat digunakan. Semua bahan yang dimuat turun dari Internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan sahaja.

#### **2.5. Muat Naik Bahan**

Bahan rasmi yang hendak dimuat naik ke portal jabatan dan agensi kerajaan hendaklah disemak dan mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan sebelum dimuat naik.

#### **2.6. Pelaporan**

Pihak BPM adalah diberi kuasa untuk menjana laporan capaian rangkaian dan aktiviti Internet setiap pengguna kepada pihak pengurusan.

## POLISI INTERNET

### 3. LARANGAN DAN SALAH LAKU PENGGUNA INTERNET

Penggunaan kemudahan Internet secara tidak beretika dan bertanggungjawab boleh mengancam keselamatan, keutuhan dan kerahsiaan sesuatu maklumat, melemahkan sistem ICT dan merosakkan imej PPTG WP dan juga Perkhidmatan Awam. Sehubungan dengan itu, sekiranya berlaku penyalahgunaan terhadap kemudahan Internet, tindakan boleh diambil terhadap mereka yang terlibat seperti yang telah ditetapkan di dalam Perintah Am, Bab D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pengguna Internet adalah dilarang sama sekali melakukan perkara yang berikut:

- 3.1. Pengguna sistem ICT boleh menjadi sebagai individu atau sekumpulan pengguna yang berkongsi kumpulan pengguna yang sama. Pengguna harus memikul tanggungjawab untuk menjaga keselamatan sistem ICT yang digunakan. melayari, memuat naik dan memuat turun bahan yang tidak beretika seperti porno atau laman web yang tidak dibenarkan atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucu;
- 3.2. memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian berbentuk hiburan atas talian seperti permainan elektronik, video dan lagu;
- 3.3. memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian yang tidak tulen;
- 3.4. menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam atas talian (online forum);
- 3.5. menyahaktifkan *popup blocker tool* bagi setiap *Internet browser* yang digunakan untuk mengelakkan paparan imej-imej yang tidak dikehendaki. Sebagai contoh *Yahoo Toolbar* atau *Google Toolbar*;
- 3.6. memuat naik atau memuat turun fail dalam format yang tidak dimampatkan supaya tidak membebankan rangkaian;
- 3.7. menceroboh atau melakukan percubaan untuk menggodam portal/sistem;
- 3.8. mendengar radio dan *video streaming* kerana ia boleh mengganggu prestasi rangkaian PPTG WP;
- 3.9. membuat capaian terus ke Internet atau mana-mana rangkaian luar melalui *mobile broadband* atau kemudahan *hotspot & tethering* menggunakan perkakasan ICT PPTG WP tanpa kebenaran Bahagian Pengurusan Maklumat;
- 3.10. menggunakan kemudahan Internet untuk tujuan peribadi, komersial dan politik;
- 3.11. melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti pengganas;
- 3.12. mengubah apa-apa juga konfigurasi terhadap rangkaian bagi niat untuk mendapatkan akses terhadap Internet tanpa kebenaran dari Ketua Bahagian;

## **POLISI INTERNET**

- 3.13. membuat cubaan berulang-ulang terhadap laman web yang telah disekat;
- 3.14. memuat turun, memuat naik, menyimpan dan menyebarkan sebarang pernyataan atau bahan berunsur fitnah, bantahan, hasutan, berbaur perkauman dan ganas yang boleh memburuk dan menjelaskan individu atau kerajaan;
- 3.15. execute program yang dimuat turun secara automatik semasa melayari internet;
- 3.16. menyebarkan maklumat dan dokumen terperingkat di internet;
- 3.17. membuat capaian internet untuk kegunaan rasmi menggunakan *public wifi* contohnya *wifi starbuck, Mc Donalds* dan seumpamanya (tertakluk pada tanggungjawab individu).

### **4. KEPERLUAN PERUNDANGAN**

Semua perundangan dan peraturan yang ditetapkan dalam Dasar Keselamatan ICT PPTG WP dan peraturan-peraturan semasa Kerajaan perlu dipatuhi oleh semua pengguna di PPTG WP semasa menggunakan perkhidmatan Internet.

### **5. KUAT KUASA**

Peraturan ini adalah berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh Peraturan ini dikeluarkan.

### **6. PENUTUP**

Polisi (Peraturan) ini mengandungi amalan-amalan terbaik penggunaan internet serta larangan sebagai panduan kepada kakitangan PPTG WP. Polisi ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa selaras dengan arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perundangan.